

24/06/2002

Ada pemimpin tidak prihatin, ahli pasif

PERJUANGAN badan bukan kerajaan (NGO) yang dilihat lari daripada matlamat dan menghalang kemajuan disebabkan pemimpin mereka tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap pergerakan badan berkenaan.

Di samping itu, wujudnya sikap terlalu pasif di kalangan ahli yang tidak mahu berfikir sama ada tindakan pemimpin itu rasional atau tidak.

Sikap pasif menyebabkan ahli tidak membantah dan menerima saja propaganda pemimpin walaupun perjuangan yang dilaung-laungkan itu menentang kepada usaha kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Ini ditambah jika NGO itu mendapat sokongan kuat daripada majoriti ahli dan bantuan dana sama ada dari dalam atau luar negara.

Sumber kewangan yang kukuh membolehkan mereka melaksanakan agenda perjuangan yang mana akhirnya sedikit sebanyak menyebabkan rancangan pembangunan negara tertangguh.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyuarakan kurang senang terhadap beberapa NGO yang mendakwa memperjuangkan alam sekitar, tetapi pada hakikatnya hanya menghalang pembangunan negara.

Institute of Public Affairs (IPA) di Australia mendakwa kumpulan alam sekitar yang membantah pembinaan projek empangan hidroelektrik di Bakun, Sarawak menerima bantuan kewangan daripada aktivis di Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, dakwaan itu dinafikan kumpulan berkenaan.

Hakikatnya, bantuan dana luar negara hanya membolehkan agenda negara Barat menjejaskan kemampuan negara membangun dan mengawal sumber asli, seterusnya menghalang potensi untuk maju dan berkembang.

Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Sastera Universiti Malaya, Dr Hussain Mohamed, berkata bantuan dana sama ada dari dalam atau luar negara hanya mampu menyokong perjuangan NGO, tetapi ia tidak boleh dijadikan sebab utama perjuangan mereka bertentangan dengan aspirasi pembangunan.

Justeru, beliau berkata, untuk memastikan sesebuah NGO tidak lari daripada matlamat ialah dengan melahirkan pemimpin yang prihatin dan ahli kumpulan yang berfikiran luas dalam memahami sesuatu perjuangan itu.

"Namun apa yang berlaku sekarang terutama di kalangan NGO yang menentang projek pembangunan ialah wujudnya golongan pemimpin yang gagal memahami matlamat asal perjuangan iaitu demi rakyat.

"Dalam apa juga perjuangan, NGO termasuk yang mempunyai kepentingan tertentu atau tidak, keutamaan rakyat atau kepentingan khalayak harus didulukan.

"Bagaimanapun, wujudnya segolongan pemimpin tidak prihatin dan ahli yang pasif menyebabkan NGO dilihat cenderung mengambil sesuatu pendirian yang jelas bertentangan dengan aspirasi dan kesejahteraan rakyat.

"Sikap pasif selalunya menyebabkan pemimpin kumpulan menganggap mudah dan memandang rendah kepentingan ahli, walaupun pendirian mereka nyata bertentangan dengan aspirasi kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Hussain berkata, dakwaan jika ada NGO yang lari daripada matlamat perjuangan mereka tidak boleh dibuat begitu saja dan diterima bulat-bulat. Ini kerana ia memerlukan siasatan dan pengesahan tertentu yang adil dan saksama oleh Pendaftar Pertubuhan.

Katanya, NGO seharusnya memperjuangkan kepentingan rakyat kerana mereka sudah mengalami revolusi minda yang sihat dan ini terbukti daripada kewujudan pelbagai NGO berdaftar yang mewakili kepentingan mereka.

Malah, katanya, NGO juga perlu mempunyai sikap yang penting iaitu ketelusan dan bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukan supaya pergerakannya dapat dipantau dan dikendalikan dengan lebih mudah demi kepentingan bersama ahlinya.

Dr Hussain berkata, bagi memainkan fungsi sebagai perantara perhubungan atau badan pengantara di antara rakyat dan kerajaan, NGO tidak seharusnya menuntut hak bagi wakil mereka secara radikal, paksaan dan keras, tetapi melalui perundingan, musyawarah dan pujukan.

"NGO juga perlu memperlengkapkan maklumat yang ingin dikemukakan kepada kerajaan sebagai mewakili majoriti, bukannya sekadar cita rasa, kepentingan dan hasrat segelintir tokoh atau pemimpinnya semata-mata.

"Ini bermakna NGO perlu bertindak profesional iaitu mempunyai prosedur kerja dan kaedah penyelidikan yang konsisten, berterusan dan saintifik termasuk penyelidikan ke atas pandangan umum (opinion poll) bagi menyokong tuntutan mereka.

"Malah, mereka juga perlu mempunyai data yang lengkap jika bukti bagi tuntutan mereka dipetik daripada sesuatu penyelidikan tertentu," katanya.

Dr Hussain berkata, hubungan antara NGO dan kerajaan perlu dijaga dan sentiasa rapat dalam senario semasa pentadbiran negara.

Ini, katanya, dapat dilakukan dengan memberi peluang dan kebebasan kepada mereka untuk menyatakan pendapat.

Beliau berkata, dengan adanya ikatan dan perhubungan erat sebegini, ia membolehkan kerajaan mendapat maklum balas tertentu terhadap sesuatu tindakan dan dasar yang diputuskan.

"Sekiranya ini dapat dilakukan, ia tidak akan menyebabkan perasaan tidak puas hati, kecewa dan gelisah rakyat terus berpanjangan, yang mana akhirnya dikhuatiri menjadi ancaman kepada kedudukan dan pengaruh parti pemerintah," katanya.

Dr Hussain berkata, ini kerana NGO adalah sebuah kumpulan masyarakat yang berkongsi kepentingan bersama, tidak mengutamakan keuntungan sebagaimana badan korporat lain, memberi perhatian istimewa kepada nilai demokrasi dan bergerak secara sukarela.

Bercakap mengenai definisinya, Dr Hussain berkata, bila mana disebut NGO, ia bermaksud sesebuah kumpulan yang ditubuhkan tanpa membabitkan wang awam atau kerajaan dan negara.

Katanya, faktor ini cukup penting kerana penggunaan wang awam itulah yang sebenarnya membezakan NGO daripada badan atau jabatan awam yang turut dikenali sebagai badan berkanun.

Sebagai contoh, badan awam seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) ditubuhkan dengan menggunakan wang awam.

Katanya, sesebuah NGO tidak demikian halnya kerana ia ditubuhkan atas kepentingan yang dikongsi bersama seperti jantina, umur, kesihatan, pasaran dan penggunaan, ekonomi, pendidikan, kegiatan rekreasi, kebudayaan, agama, politik dan kuasa.

(END)